

# Anak lembu ada dua lidah, dua rahang

KLATEN, Jawa Tengah - Penduduk kampung Tegalmas di sini digemparkan oleh keanehan seekor anak lembu yang mempunyai dua rahang dan dua lidah.

Pemilik haiwan itu yang hanya dikenali sebagai Surono berkata, dia pada mulanya tidak mengetahui keganjilan lembu tersebut yang memiliki rahang dan lidah tambahan yang lebih kecil berbanding yang asal.

Namun, katanya, dia tetap menjaga anak lembu itu kerana berpendapat ia satu anugerah.

“Dengan kecacatan yang dimiliki, anak lembu saya sukar untuk makan atau menyusu dan saya perlu menyuap makanan ke dalam mulutnya menggunakan alat khas.

“Saya amat hairan dengan keadaan unik lembu saya ini dan akan menjaganya dengan baik,”

katanya.

Surono mengakui, dia belum terfikir untuk membawa anak lembu itu ke klinik haiwan bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Seorang pekerja Jabatan Penternakan Haiwan Klaten yang enggan dikenali berkata, keanehan yang dimiliki oleh lembu itu mungkin disebabkan sel sperma kembar yang tidak dapat dipisahkan dengan baik. - AGENSI



KEANEHAN anak lembu milik Surono yang mempunyai dua rahang dan dua lidah, menarik perhatian penduduk Klaten, Jawa Tengah.  
- AGENSI